



**UTM**  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

**TEKS UCAPAN**

**YBHG. PROFESSOR DATUK TS. DR.**

**AHMAD FAUZI BIN ISMAIL**

NAIB CANSOLOR,

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA (UTM)

**SEMPENA**

**MAJLIS PERASMIAN  
PROGRAM TRANSFORMASI MINDA  
BIL. 16 SIRI 1/2021**

**TARIKH PROGRAM**

**30 MEI 2021 – 9 JUN 2021**

**MEDIUM PENYAMPAIAN**

***ONLINE (WEBEX & GOOGLE MEET)***

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
الحمد لله رب العالمين  
،والصلاة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين  
،وعلى آله وصحبه أجمعين

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Dan

Salam Sejahtera

**Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis**

**YBrs. En. Abdul Razib Bin Hj. Shahuddin**

Pendaftar,

Universiti Teknologi Malaysia

**YBrs. Puan Nor Azizah Bt Ismail**

Timbalan Pendaftar Kanan,

Bahagian Sumber Manusia

**YBrs. En. Ganesan a/l Andimuthu**

Ketua Fasilitator PTM Bil. 16. Siri 1/2021

**Barisan-Barisan Fasilitator**

**Tuan –Tuan dan Puan – Puan Yang Dihormati Sekalian**

- 1) Alhamdulillah, bersyukur saya kepada Allah S.W.T kerana dengan limpah rahmatnya, dapat kita berkumpul pada petang ini di dalam Program Transformasi Minda (PTM) Bil. 16 Siri 1/2021 anjuran Seksyen Pembangunan Bakat, Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar yang julung kalinya dilaksanakan sepenuhnya secara atas talian.

**Tuan –Tuan dan Puan – Puan Yang Dihormati Sekalian,**

- 2) Program Transformasi Minda (PTM) adalah salah satu program yang dilaksanakan bagi tujuan memberi pendedahan kepada pegawai di peringkat awal pelantikan dalam sesebuah agensi kerajaan. PTM ini dilaksanakan berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 14 Tahun 2012 sebagai satu daripada **syarat pengesahan** dalam perkhidmatan bagi menggantikan Kursus Induksi di mana ianya dikhaskan kepada pegawai atau kakitangan lantikan tetap selepas 1 Januari 2013 yang belum pernah menghadiri Kursus Induksi.
- 3) Kerangka kurikulum serta modul yang dibangunkan di dalam program PTM ini merangkumi tiga (3) segmen utama iaitu:
  - a) Negara & Perkhidmatan Awam
  - b) Tanggungjawab & Peranan Pegawai; dan
  - c) Budaya Kerja Kelas Pertama.
- 4) Sehubungan itu, besar harapan saya sekiranya semua peserta PTM kali ini dapat memanfaatkan sebaik mungkin ilmu yang disampaikan oleh penceramah berkaliber dan berpengalaman dikalangan warga UTM yang dipilih oleh pihak urus setia.

- 5) Percayalah bahawa ilmu yang diterima amat membantu saudara semua dalam mengorak langkah bersama yang lain untuk mencapai **5 fokus utama Universiti** pada ketika ini iaitu:
- a) Pengurusan Manusia
  - b) Menginstitusi I.S.E.S
  - c) Memperkukuhkan impak penyelidikan
  - d) Governan
  - e) Penyampaian berprestasi tinggi

**Tuan – tuan dan Puan – puan yang dihormati sekalian,**

- 6) Kejayaan sesebuah Universiti tidak dapat dicapai tanpa wujudnya nilai pembudayaan organisasi. Budaya organisasi bertujuan untuk membentuk tingkah laku yang boleh bekerjasama dalam satu pasukan, bermotivasi dalam konteks melaksanakan tugas dengan baik agar pihak berkepentingan dapat membuat keputusan yang tepat. Dengan nilai teras ISES yang menjadi tunjang utama budaya organisasi buat semua staf UTM, saya percaya ianya pasti membantu kita membentuk peribadi yang positif dan mampu melaksanakan sesuatu perkara dengan lebih berkesan sehingga produktiviti meningkat.

**Tuan – tuan dan Puan – puan yang dihormati sekalian,**

- 7) Kita mempunyai tanggungjawab yang amat besar untuk meneruskan legasi kecemerlangan UTM agar terus maju sebagai Universiti Terbaik di negara ini sekali gus menjadi sebuah Universiti yang terbaik di rantau ini. Kejayaan sesebuah universiti tidak datang bergolek tanpa usaha dan tawakal kepada Sang Pencipta. Saya yakin, dengan komitmen sepenuhnya yang ditonjolkan oleh warga

UTM, ianya dapat memastikan Visi dan Misi UTM dicapai dengan jayanya.

- 8) Dikesempatan ini juga, ingin saya tekankan bahawa saudara semua merupakan **aset paling berharga** terhadap Universiti. Sumbangkanlah tenaga seikhlas mungkin, curahkanlah ilmu sebanyaknya dan laksanakan tugas yang diamanahkan dengan penuh komitmen agar kita mengecapi kejayaan seperti yang dihasratkan.

**Tuan – tuan dan Puan – puan yang dihormati sekalian,**

- 9) Masa telah mencemburui kita. Sudah tiba masanya untuk saya mengundur diri. Saya amat gembira kerana diberi peluang untuk berjumpa dengan saudara semua walaupun secara virtual. Saya sentiasa terbuka kepada semua untuk bertemu dan berbincang bersama demi kejayaan Universiti. Marilah kita bekerjasama untuk kebaikan UTM. Sebelum saya akhiri ucapan pada petang ini, izinkan saya untuk berkongsi serangkap pantun untuk semua:

*Ambil mangga dengan galah,  
Kerana pohonnya tinggi sekali,  
Tetap semangat jangan menyerah,  
Lakukan pekerjaan sepenuh hati.*

- 10) Akhir kata, dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya merasmikan Program Transformasi Minda BII. 16 Siri 1/2021.

**Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah,  
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.**